

# Ini lubang maut

*Tebing sungai runtuh bentuk lubang sedalam tiga meter*

SYAIRI SHAARI

**KERAMAT** - Penduduk AU3/1 menyatakan kebingungan apabila benteng sungai bersebelahan rumah runtuh sehingga menyebabkan satu lubang sedalam tiga meter terbentuk di sebahagian jalan.

Penduduk mendakwa, punca berlakunya mendapan dan benteng runtuh di tebing sungai di Jalan AU3/1 sudah dijangka apabila jalan di sini kelihatan retak sejak setahun lalu.

Penduduk, Abdul Majid Mat Amin, 65, berkata, apa yang paling dibimbangkan penduduk adalah keselamatan orang ramai yang mungkin tidak menyedari terdapatnya lubang di sini.

Menurutnya, penduduk bimbang sekiranya terdapat ahli keluarga dan orang luar yang datang menziarah sewaktu Aidilfitri ini terjatuh ke dalam lubang tersebut sehingga mengakibatkan kecederaan.

"Paling ditakuti apabila menjelang malam kerana jalan di sini gelap sebab tiada lampu jalan.

"Sehubungan itu, saya meminta pihak bertanggungjawab melakukan sesuatu dengan segera bagi mengatasi masalah ini,"



Lubang sedalam tiga meter berpunca daripada runtuhan tanah tebing sungai di Jalan AU3/1, Keramat.

**“ Saya bimbang keselamatan orang ramai mungkin terancam kerana laluan ini adalah laluan utama ketika pasar malam diadakan pada setiap Isnin.”**

**Abdul Majid**

katanya.

Penduduk yang mahu dikenali sebagai Mohamad, 64, berkata, kejadian tidak diingini boleh berlaku apabila kenderaan berselisih, terutamanya kepada orang luar yang tidak mengetahui terdapatnya lubang.

“Saya bimbang keselamat-

an orang ramai mungkin terancam kerana laluan ini adalah laluan utama ketika pasar malam diadakan pada setiap Isnin.

“Penduduk juga tidak tahu pihak mana yang perlu dirujuk sama ada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) atau Jabatan Pengairan dan Saliran

(JPS) dan berharap pihak yang bertanggungjawab perlu melakukan sesuatu bagi mengelak kejadian buruk berlaku,” katanya.

Razali Mat, 60, berkata, mendapan dan tanah runtuh di tebing sungai ini boleh menjadi lebih besar dalam masa terdekat ini sekiranya tindakan membaiki pulih tidak dilakukan.

“Setiap kali hujan lebat, sungai ini akan ditenggelami air dan setiap kali itu juga fizikal tebing sungai ini akan kelihatan berubah,” katanya kepada *Sinar Harian*.